

2 pakej projek MRT bermula akhir bulan ini

DUA pakej pembinaan projek My Rapid Transit (MRT) bagi laluan Sungai Buloh-Kajang yang bernilai RM1.74 bilion dijangka dimulakan hujung bulan ini dan siap menjelang Mac 2016.

IJM Corporation Bhd (IJM), penerima kontrak Pakej V5 bagi laluan stesen Maluri Portal ke Plaza Phoenix dan AZSB bagi Pakej V6 iaitu dari stesen Plaza Phoenix ke Bandar Tun Hussein Onn kini sudah bersedia dengan pelan pelaksanaan projek berkenaan.

Syarikat itu kini hanya menunggu kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memulakan kerja membina dan menyiapkan laluan jejambat serta kerja berkaitan projek berkenaan.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Teh Kean Ming, berkata semua perkara berkaitan kesan ke atas orang awam termasuk pengurusan alam sekitar, trafik dan kesihatan serta keselamatan yang teliti sudah disediakan

dengan rundingan pakar dan akan dilaksanakan mengikut garis panduan PBT untuk mengurangkan ketidakselesaan kepada pengguna jalan raya serta penduduk setempat.

"Kita akan bekerjasama rapat dengan rakan pelaksana projek, MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd dan memastikan komunikasi berterusan supaya orang awam dimaklumkan sepenuhnya mengenai perkembangan dan aktiviti sepanjang tempoh kerja pembinaan yang dijangka mengambil masa 43 bulan," katanya pada sidang media di Pejabat Informati MRT di Petaling Jaya semalam.

Hadri sama Pengurus Besar MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd, Adil Putra Ahmad dan Pengarah Urusan AZRB, Datuk Wan Zakariah Wan Muda.

Januari lalu, pemilik serta pengendali MRT laluan Sungai Buloh-Kajang, MRT Corporation (MRT Corp) menganugerahkan kontrak Pakej V5 kepada IJM dan Pakej V6 kepada AZSB, masing-masing mem-

babitkan kerja membina dan menyiapkan laluan jejambat serta kerja berkaitan projek dari stesen Maluri Portal ke Plaza Phoenix sepanjang 5.4 km bernilai RM974 juta dan dari stesen Plaza Phoenix ke Bandar Tun Hussein Onn sepanjang 5.24 km bernilai RM764.9 juta.

Sementara itu, Wan Zakariah, berkata, pelan pelaksanaan projek oleh AZRB bukan hanya memenuhi kehendak MRT Corp, malah menyelesaikan semua kebimbangan orang awam terutama lencongan trafik, kesan alam sekitar dan gangguan utiliti dan perkhidmatan.

Selain itu katanya, orang awam boleh menghubungi talian Hotline 24 jam di 1800-82-6868 yang disediakan MRT Corp bagi mengemukakan sebarang pertanyaan dan aduan, selain perkhidmatan Pasukan Bertindak Kecemasan (ERT) 24 jam yang akan melakukan pengawasan dan pemantauan berterusan di sekitar kawasan projek bagi melancarkan pengurusan trafik.



Semua perkara berkaitan kesan ke atas orang awam termasuk pengurusan alam sekitar, trafik dan kesihatan serta keselamatan yang teliti sudah disediakan dengan rundingan pakar dan akan dilaksanakan mengikut garis panduan PBT untuk mengurangkan ketidakselesaan kepada pengguna jalan raya serta penduduk setempat



Datuk Teh Kean Ming

Pengarah Urusan dan Ketua
Pegawai Eksekutif
IJM Corporation Bhd (IJM)